

13 FEB 1996

Mahathir-Sabah

UMNO SABAH BERIKAN MANDAT KEPADA PM BUAT KEPUTUSAN

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- UMNO Sabah hari ini memberikan mandat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan berhubung isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Perdana Menteri Menteri yang juga Presiden parti berkata rombongan UMNO Sabah yang diketuai oleh Timbalan Pengerusinya Datuk Osu Sukam menemuinya di pejabatnya di sini pagi tadi.

Perbincangan mereka hanya tertumpu kepada pelantikan Ketua Menteri Sabah, katanya kepada pemberita selepas majlis penyiapan struktur binaan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) menandakan siapnya bangunan tertinggi di dunia itu di sini.

Beliau berkata pendapat UMNO Sabah mengenai isu itu adalah rasional.

"UMNO Sabah memberikan mandat kepada saya membuat keputusan dan akan menyokong apa juga keputusan yang akan saya buat," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun, beliau akan menemui parti-parti komponen Sabah untuk mendapat pandangan mereka mengenai perkara itu.

Beliau juga berkata pemimpin Parti Liberal Demokratik (LDP) telah menemuinya dan memberikan mandat kepadanya untuk membuat keputusan.

Sebelum ini, LDP telah membuat kenyataan tidak mahu sistem giliran jawatan itu diadakan.

Mengenai pendapat bahawa BN tidak perlu menunaikan janji untuk menggilirkan jawatan itu yang dibuat sebelum pilihan raya negeri Sabah pada Februari 1994 memandangkan ia tidak memenangi pilihan raya itu, Dr Mahathir berkata elemen itu juga akan dipertimbangkan.

Katanya, beliau juga akan mengambil kira komitmen dan pandangan peringkat bawahan.

"Sebab itulah sebelum saya membuat keputusan, saya perlu berjumpa dengan semua parti komponen untuk mendapatkan pandangan," katanya.

Katanya, beliau percaya kepada cara perundingan sebelum membuat keputusan.

Sementara itu, Osu yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi memberitahu pemberita di pejabatnya di sini bahawa rombongan dari Sabah yang terdiri daripada anggota Badan Perhubungan Umno Negeri itu berbincang selama satu setengah jam dengan Perdana Menteri.

Katanya, Dr Mahathir memberi peluang kepada semua yang hadir untuk memberi pandangan berhubung soal itu.

"Presiden juga memberi nasihat kepada Umno Sabah, bukan sahaja mengenai soal penggiliran jawatan Ketua Menteri tetapi juga mengenai disiplin parti dan perpaduan," kata Osu.

Menurutnya, Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak tidak hadir pada perjumpaan itu kerana beliau merupakan orang berkepentingan dalam soal tersebut.

Pertemuan itu adalah antara siri pertemuan berasingan Perdana Menteri dengan barisan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri itu yang telah mengambil keputusan menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan muktamad berhubung janjinya untuk menggilirkan jawatan ketua menteri itu.

"Umno Sabah penuh yakin Perdana Menteri akan membuat keputusan yang paling bijak dan memuaskan hati semua pihak dalam BN Sabah berhubung isu itu," kata Osu lagi.

Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno minggu lepas juga memberi mandat kepada Dr Mahathir untuk menyelesaikan isu itu.

Umno Sabah pada mesyuaratnya di Kota Kinabalu bulan lepas bagaimanapun sebulat suara menolak cadangan menggilirkan jawatan itu yang jika dilaksanakan, dijangka berpindah tangan kepada Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee pada 17 Mac. -- BERNAMA

SJA MOK NMO